



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN
#UM111 BE INSPIRED - UM-JCORP CARNIVAL:
BUILDING A DYNAMIC AND ENTREPRENEURIAL YOUTH CULTURE**

**3 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)
DEWAN TUNKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA**

SALUTASI

YANG BERBAHAGIA TAN SRI PROF DR MOHD AMIN JALALUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYA

YANG BERHORMAT DATO' KAMARUZZAMAN ABU KASSIM
PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF JOHOR CORPORATION /
PROF ADJUNG INPUMA

YANG BERUSAHA DR GORDON HEIN
NAIB PRESIDEN
THE ASIA FOUNDATION

YANG BERUSAHA DR KHADIJAH MD. KHALID
PENGARAH EKSEKUTIF
INSTITUT ANTARABANGSA POLISI AWAM DAN PENGURUSAN
(INPUMA)
UNIVERSITI MALAYA

BARISAN PENGURUSAN UNIVERSITI MALAYA DAN JOHOR
CORPORATION,

PENGETUA & GURU-GURU,

MAHASISWA/MAHASISWI,

PARA PELAJAR,

RAKAN-RAKAN MEDIA,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

SIDANG HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

PENGENALAN

Assalammualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada Majlis Perasmian program *#UM111 Be Inspired - UM-JCorp Carnival: Building a Dynamic and Entrepreneurial Youth Culture* di Dewan Tunku Canselor yang gemilang ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Malaya, khususnya Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA), dan juga Johor Corporation (JCorp) selaku penganjur bersama program kerana sudi mengundang saya untuk merasmikan karnival pada hari ini. Saya juga dimaklumkan selain Universiti dan JCorp, program ini turut menerima tajaan daripada Yayasan Pendidikan Negeri seperti Yayasan Sarawak, Yayasan Pahang dan juga sektor swasta seperti Genting Malaysia Berhad. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua dalam menjayakan program mendekati komuniti khususnya generasi muda ini.

Saya difahamkan penganjuran karnival *#UM111 Be Inspired - UM-JCorp Carnival: Building a Dynamic and Entrepreneurial Youth Culture* ini adalah sempena menyambut ulang tahun ke-111 Universiti Malaya. Pada hemat saya, karnival dua hari ini merupakan satu platform terbaik bagi para

pengunjung, khususnya pelajar sekolah dari seluruh negara untuk mengenali Universiti Malaya dengan lebih dekat lagi sebagai sebuah universiti awam yang terkemuka di Malaysia khususnya peluang berinteraksi dengan warga Universiti Malaya (UM) dengan lebih dekat lagi. Adalah diharapkan kunjungan pelajar sekolah pada hari ini menyuntik semangat untuk melanjutkan pelajaran ke sini suatu hari nanti, InsyAllah.

Saya amat mengalu-alukan penganjuran program seumpama ini kerana ia dapat menjadi satu platform yang boleh mendekatkan lagi warga universiti awam dengan masyarakat. Pelbagai aktiviti menarik telah diatur, bersesuaian dan bertepatan dengan aspirasi serta minat golongan sasaran iaitu golongan remaja/belia.

Books For Asia (BFA)

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pendidikan merupakan komponen penting dalam membentuk jati diri dalam kalangan generasi muda yang lebih beretika dan berintegriti. Selain itu, pendidikan juga merupakan asas kepada pembangunan institusi kekeluargaan dan masyarakat yang harmoni terutama dalam konteks Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan agama agar suasana harmoni akan dapat dikekalkan untuk kesejahteraan bersama.

Sehubungan dengan itu, saya begitu gembira apabila dimaklumkan mengenai pelaksanaan program *Books for Asia* (BFA) yang melibatkan kerjasama The Asia Foundation, Universiti Malaya dan Johor Corporation.

Bagi tahun 2013, lebih 20 000 naskah buku telah berjaya diagihkan secara percuma kepada lebih 700 sekolah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Saya juga dimaklumkan The Asia Foundation telah membawa program *Books for Asia* sehingga ke beberapa kawasan pedalaman sejauh Sebuyau. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada The Asia Foundation atas usaha ini. Saya cukup teruja bila mendapat tahu program tersebut telah menjelajah sehingga ke kawasan parlimen saya di Batang Lupar, Lingga dan Beting Maro. Jutaan terima kasih saya ucapkan bagi pihak pengundi saya ke atas usaha mulia tuan-tuan dan puan-puan. Saya percaya masyarakat di kawasan tersebut telah mendapat manfaat apabila buku-buku tersebut telah diagihkan kepada perpustakaan sekolah dan desa.

Books for Asia merupakan satu inisiatif murni yang dapat mencetuskan minat membaca dalam kalangan masyarakat di peringkat akar umbi serta meningkatkan pengetahuan para pelajar. Kehadiran Dr. Gordon Hein, Senior Vice President, The Asia Foundation, San Francisco, Amerika Syarikat menunjukkan komitmen beliau yang begitu tinggi terhadap program ini. Terima kasih Dr. Gordon!

Pemeriksaan Ekonomi Wanita

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat menggalakkan penglibatan golongan muda dan wanita

dalam usaha memperkasa ekonomi (*economic empowerment*) melalui bidang keusahawanan. Ramai wanita diberikan latihan kemahiran dalam beberapa bidang tertentu seperti penjagaan kesihatan serta kecantikan, jahitan, kraf tangan dan masakan/makanan yang mampu membantu mereka menjana pendapatan untuk keluarga.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) misalnya menyediakan perkhidmatan Mamacare iaitu perkhidmatan penjagaan holistik ibu selepas bersalin yang bertujuan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan reproduktif wanita dan keluarga. Program latihan kapasiti ini juga merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu 1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment (1MWISE) dan kerjasama (Smart Partnership) di antara LPPKN, Eduskill dan Persatuan Warisan Urutan Melayu Malaysia (HAMA).

Pada masa ini, seramai 531 orang pengamal Mamacare seluruh negara yang telah dilatih dengan pendapatan bulanan dianggarkan RM1,500 hingga RM6,500 seorang. Jumlah pendapatan terkumpul pula dianggarkan kira-kira RM5.4 juta sejak pelancarannya pada Januari 2013 hingga Disember 2015.

Selain Mamacare, melalui satu lagi agensi bawah Kementerian saya iaitu Jabatan Pembangunan Wanita juga ada menyediakan Program *Home Manager*. Program ini bertujuan melatih peserta menjadi pengasuh yang cekap, profesional dan berkelayakan serta menyediakan khidmat

pengasuh profesional untuk bekerja di rumah dan juga taska. Antara bidang kemahiran yang diajar termasuk pengurusan kediaman, penjagaan kanak-kanak dan warga tua. Usaha ini juga dapat meningkatkan kesejahteraan wanita dan keluarga melalui pemerksaan ekonomi wanita selain melatih wanita warga emas dan ibu tunggal terutama daripada kumpulan Low Income Household (LIH) menjana pendapatan keluarga.

Golongan Muda Dalam Bidang Keusahawanan

Budaya keusahawanan merangkumi nilai serta aspek yang dapat membantu membentuk keperibadian serta jati diri bangsa yang lebih dinamik. Anak muda termasuk pelajar yang memiliki semangat keusahawanan yang tinggi sudah pasti merupakan seorang yang rajin, berdaya saing dan berani mencuba, malah tidak gentar berhadapan dengan dugaan serta cabaran dalam kehidupan.

Justeru, penganjuran karnival *UM-JCorp* yang bertemakan *Building a Dynamic and Entrepreneurial Youth Culture* yang amat menekankan penglibatan aktif golongan muda dalam bidang keusahawanan adalah tepat pada waktunya. Saya menyokong penuh penganjuran program seumpama ini kerana mampu menerapkan nilai serta budaya keusahawanan golongan generasi muda, termasuk graduan boleh mencipta pekerjaan (*to create your own employment*). Sudah tiba masanya golongan muda tidak terus bergantung kepada kerajaan dalam menyediakan pekerjaan untuk mereka. apatah lagi dalam konteks peluang pekerjaan di sektor kerajaan yang semakin terhad.

Inisiatif bersama UM-JCorp dalam menanam minat pelajar di peringkat sekolah, kolej dan universiti melalui karnival ini wajar diteruskan dan diteladani universiti awam yang lain.

KERJASAMA STRATEGIK PERKUKUH USAHA INKLUSIVITI

Hadirin yang dihormati sekalian,

Berbalik kepada penganjuran karnival ini khususnya kerjasama di antara universiti awam dengan sektor korporat, kerjasama ini dilihat sebagai sangat strategik dan untuk kepentingan semua dan perlu dijadikan amalan. Ini adalah bagi menyahut harapan negara untuk memperhebatkan usaha inklusiviti setiap lapisan masyarakat. Adalah diharapkan jalinan strategik seumpama mampu menarik minat sektor swasta atau bisnes untuk bekerjasama dalam membantu mencipta pekerjaan dan seterusnya, menjana pendapatan bagi golongan pelajar/graduan yang akan menamatkan pengajian mereka. Sekiranya mereka telah diterapkan dengan nilai serta budaya keusahawanan dari usia muda, mereka tidak perlu khuatir sekiranya tidak mendapat pekerjaan di sektor formal selepas bergelar graduan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada JCorp yang menunjukkan kesungguhan dalam menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda Malaysia khususnya pelajar sekolah dan universiti awam negara. Karnival UM yang disokong oleh JCorp pada hari ini menunjukkan komitmen sebuah entiti konglomerat yang berwibawa dalam menggalakkan minat serta penyertaan golongan muda dalam

aktiviti keusahawanan. Pada kesempatan ini, saya menyeru agar JCorp dapat meneruskan inisiatif murni ini dan mengalu-alukan penglibatan mereka dalam program anjuran kementerian saya juga pada masa akan datang.

Penutup

Hadirin Sekalian,

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Universiti Malaya dan JCorp kerana mengundang saya untuk turut terlibat dalam program yang sungguh bermakna ini. Adalah menjadi harapan saya agar para pengunjung karnival khususnya pelajar sekolah, komuniti, guru, keluarga dan juga warga UM akan mendapat manfaat daripada program ini.

Tahniah diucapkan kepada Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya dan Johor Corporation yang telah bekerjasama dalam menganjurkan karnival ini.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan “*#UM111 Be Inspired - UMJCorp Carnival: Building a Dynamic and Entrepreneurial Youth Culture*”.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warrahmatullah hi wabarakatuh.